



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA JALANKAN USAHA PEMULIHAN DAN MITIGASI BERHUBUNG SERANGAN SIBER KE ATAS PERKESO

Serangan siber yang menyasarkan infrastruktur dan imej Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjaya dipatahkan, dengan usaha pemulihan serta mitigasi ketika ini giat dilaksanakan hasil kerjasama utuh pelbagai pihak. Ketika usaha untuk menyekat gerakan anasir penggodam berterusan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberitahu bahawa bukti-bukti forensik telah diambil sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

Proses tersebut termasuk meneliti kemungkinan wujud elemen jenayah komersial yang membawa kepada gangguan sistem, pangkalan data dan laman sesawang agensi seliaan KSM ini. Sehubungan itu, kementerian berharap agar spekulasi tidak berasas kini yang ditularkan di media sosial dapat dihentikan kerana ia bukan hanya mengeruhkan keadaan, malah berupaya mengundang ketidaktenteraman dalam kalangan masyarakat.

Berikan ruang kepada pasukan siasatan forensik dalaman untuk melengkapkan siasatan. Ini bagi membolehkan matlamat utama penubuhan PERKESO sebagai agensi yang memberikan khidmat perlindungan sosial tidak terjejas rentelan pencerobohan siber ini. KSM sekali lagi memberi jaminan, tiada pihak yang akan terlepas daripada tindakan undang-undang sekiranya didapati menjadi dalang kepada insiden pada 2 Disember 2023 ini.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
10 DISEMBER 2023